

BAB 4

KOMUNITI RAJANG-TANJONG

4.0 Pengenalan

Komuniti yang dikaji adalah komuniti Rajang-Tanjong. Komuniti ini adalah dari rumpun Austronesia yang tinggal di Sarawak. Terdapat beberapa pendapat mengenai pengolongan komuniti ini, ada sarjana yang mengatakan bahawa mereka ini adalah tergolong dalam golongan Melanau dan ada pula yang berpendapat komuniti ini adalah golongan yang tersendiri.

4.1 Latar belakang

Komuniti Rajang-Tanjong ini tinggal di kawasan tengah dan hulu Sungai Rajang di Sarawak, iaitu di Kanowit, Kapit dan Belaga. Komuniti ini terdiri daripada suku kaum Tanjong dan suku kaum Kanowit. Ada pendapat yang mengatakan kedua-dua suku kaum ini adalah daripada rumpun Melanau, kenyataan ini adalah berdasarkan bukti linguistik dan budaya. (Yasir Abdul Rahman 1987:2). Komuniti ini dikatakan sebagai penduduk awal daerah Kanowit dan hulu Sungai Rajang dan dikenali juga sebagai Melanau Hulu. (Edwards dan Stevens 1971:91). Sebenarnya, Melanau bukanlah satu suku kaum yang homogenous. Suku kaum ini terdiri daripada beberapa subgolongan yang saling tidak memahami antara satu sama lain. (Asmah Hj. Omar 1983:608).

Pada umumnya orang Melanau menetap di pesisir pantai negeri Sarawak, iaitu daripada muara Sungai Rajang hingga ke Bintulu. Terdapat juga subgolongan Melanau yang tinggal jauh ke darat, tetapi jumlahnya amat sedikit. Antaranya adalah Melanau Tanjong dan Kanowit. Mereka ini tinggal di kawasan tengah dan hulu Sungai Rajang.


Menurut Yasir Abdul Rahman (1987), suku kaum Tanjong adalah subgolongan daripada suku kaum Melanau. Melanau terdiri daripada beberapa subgolongan yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan terdapat sedikit perbezaan pada sistem pertuturan mereka disebabkan komuniti-komuniti Melanau ini tinggal di kawasan yang berasingan dan kurang berlaku pertembungan antara mereka. Pertembungan kurang berlaku kerana terpisah oleh sempadan geografi seperti gunung-ganang, sungai dan hutan yang tebal. Disebabkan perpisahan dan kurangnya pertembungan antara satu komuniti Melanau dengan komuniti Melanau yang lain, maka lama-kelamaan wujudlah perbezaan dalam sistem pertuturan mereka disebabkan pengaruh dari bahasa-bahasa lain di sekitar penempatan mereka.

Yasir Abdul Rahman memasukkan suku kaum Tanjong yang tinggal di Kanowit ke dalam subgolongan suku kaum Melanau, menurut beliau;

“Kanowit juga pernah diduduki oleh komuniti Melanau, walaupun kawasan ini adalah agak di pedalaman bagi suku kaum ini. Mereka dikenali sebagai ‘Melanau Tanjong’ dan pada masa ini mungkin sedikit saja yang masih tinggal di tempat itu”.

(Yasir Abdul Rahman 1987:2)

Jadual 4.1: Perkaitan suku kaum Tanjong dan Kanowit dengan suku kaum Melanau yang lain



Sumber: Disesuaikan dari Yasir Abdul Rahman (1987)

Edwards dan Stevens (1971) mengatakan bahawa suku kaum Tanjong dan Kanowit mula dikenali oleh dunia luar lebih kurang 170 tahun yang lalu apabila orang-orang Inggeris mula memasuki kawasan pedalaman Sarawak, khususnya bahagian hulu Sungai Rajang. Suku kaum Tanjong dikatakan sebagai penduduk awal Kanowit, di samping suku kaum Kanowit yang lebih dominan dan lebih ramai bilangannya. Tempat asal suku kaum Tanjong dan Kanowit ini sebelum mereka menetap di Kanowit adalah tidak jelas. Mereka juga mengatakan bahawa kedua-dua

suku kaum Tanjong dan suku kaum Kanowit ini telah terserap ke dalam suku kaum Iban yang lebih besar jumlahnya, namun begitu kedua-dua suku kaum ini masih terdapat di beberapa tempat di tebing Sungai Rajang antara Kapit dengan Nanga Balleh, seperti yang mereka katakan di bawah ini;

"Of this early inhabitants of Kanowit area, the most numerous were probably the Kanowits, and, second to them, the Tanjongs. The origin of these peoples are unclear. Today we call them all 'Kajangs', along with the Sekapans and Kejamans, who still live in the Belaga area of the upper Rejang. Although both the Tanjongs and the Kanowits have to a large extent been absorbed by the more powerful Ibans, some of their descendants remain today. The Tanjongs now live in small numbers on the banks of the Rejang between Kapit and Ng. (sic) Balleh".

(Edwards dan Stevens, 1971:91)

Menurut Edwards dan Stevens lagi, suku kaum Kanowit dan Tanjong ini bukanlah daripada rumpun Melanau, tetapi mereka telah terserap ke dalam suku kaum Melanau kerana pertembungan dengan orang Melanau dari delta Rajang yang telah berhijrah ke Kanowit kerana lari dari serangan Iban. Orang-orang Melanau ini telah bergaul dengan orang-orang Kanowit dan Tanjong sekian lama hingga saling serap-menyerapi dari segi kebudayaan, cara hidup dan sistem pertuturan.

Menurut Aikman (1959), bahasa Tanjong dan bahasa Kanowit termasuk dalam golongan bahasa Melanau. Beliau mengelompokkan kedua-dua bahasa ini sebagai bahasa Melanau Hulu. Menurut beliau lagi, kedua-dua bahasa ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan bahasa-bahasa suku kaum di hulu Sungai

Rajang dan merupakan perantara antara Melanau yang tinggal di pesisir pantai dengan suku kaum Kayan dan Kenyah di hulu Sungai Rajang. Bahasa Tanjong dan bahasa Kanowit ini juga dikatakan mempunyai ciri-ciri bahasa Melanau dan juga ciri-ciri bahasa suku kaum Orang Hulu.

Selain daripada tokoh-tokoh di atas, Clayre (1970) juga ada menyebut tentang adanya suku kaum Melanau yang tinggal di Kanowit, tetapi beliau tidak menyatakan bahawa Melanau yang tinggal di Kanowit itu sebagai suku kaum Tanjong dan Kanowit. Beliau hanya mengatakan bahawa daerah Kanowit juga merupakan tempat penempatan Melanau, tetapi beliau tidak memberi butiran terperinci mengenai orang Melanau yang tinggal di Kanowit ini.

Suku kaum Tanjong hingga sekarang masih dikenali dengan nama tersebut, tetapi bagi suku kaum Kanowit pula, suku kaum ini juga dikenali dengan nama lain. Edwards dan Stevens (1971:93) telah menerangkan beberapa nama yang telah diberikan kepada suku kaum Kanowit ini, iaitu;

“The Kanowits have been called by a number of different names over the years. These include: ‘Kanowit Melanau’, ‘Rejang Melanau’, ‘Kanowit Rejang’, ‘Rejang’, or ‘Kanowit Dayak’. The disagreement has probably been due to the difficulty that early visitors to the area had in deciding just who the Kanowits were, what their origin were”.

Kerajaan negeri Sarawak menamakan kedua-dua suku kaum ini sebagai Rajang-Tanjong dan diletakkan di bawah seorang ketua masyarakat bergelar Penghulu. Seorang Penghulu telah dilantik di bawah Perkhidmatan Ketua Masyarakat bagi mewakili komuniti ini yang tinggal di Kapit dan Belaga. Terdapat dua buah kampung di Belaga yang didiami oleh komuniti ini, iaitu Long Pawah dan Pala Giam Tukok. Di Kapit pula, komuniti ini tinggal di Kampung Tanjong Serian. Surat perlantikan penghulu bagi komuniti ini dilampirkan dalam Lampiran 1. Dalam buku penerangan mengenai Muzium Kapit yang diterbitkan oleh Muzium Sarawak dan Pejabat Residen Kapit, didapati suku kaum Kanowit di Kapit tidak diasingkan dari suku kaum Tanjong. Kedua-dua suku kaum ini dimasukkan ke dalam etnik Tanjong. Menurut buku penerangan ini, etnik Tanjong ini dimasukkan dalam kumpulan Kajang bersama dengan Punan, Sekapan, Kejaman, Lahanan, Penan, Seping, Ukit dan Sihan. (Kapit Museum, m.s. 12).

Daripada beberapa pendapat tentang suku kaum Tanjong dan Kanowit ini, dapat dirumuskan bahawa ada dua pendapat mengenai suku kaum ini. Pendapat pertama mengatakan bahawa kedua-dua suku kaum ini adalah subgolongan Melanau. Pendapat kedua pula mengatakan bahawa kedua-dua suku kaum ini bukan dari subgolongan Melanau tetapi telah menyerap beberapa ciri Melanau baik daripada segi bahasa maupun budaya. Antara ciri-ciri Melanau yang terdapat pada komuniti Rajang-Tanjong adalah penggunaan ‘bin’ pada nama walaupun mereka beragama Kristian. Menurut penghulu komuniti ini, Penghulu Bujang bin Sureng, penggunaan ‘bin’ pada nama adalah pengaruh dari Brunei kerana pada masa dahulu bangsa Melanau mempunyai hubungan yang baik dengan Kesultanan Brunei.

Daripada segi makanan pula, makanan komuniti Rajang-Tanjong ini sama dengan suku kaum Melanau yang lain. Makanan asasi mereka pada masa dahulu adalah lemantak (sagu) dan umai. Umai adalah ikan mentah yang digaul dengan perahan limau nipis, garam dan cili. Ini adalah ciri utama bangsa Melanau secara umum. (Asmah Haji Omar, 1983:610). Sekarang makanan asasi mereka telah bertukar kepada nasi.

Daripada keadaan yang diterangkan di atas, didapati penggolongan komuniti Rajang-Tanjong ke dalam bangsa Melanau bukan berdasarkan penggolongan linguistik. Dari segi linguistik, komuniti ini tidak dapat digolongkan sebagai Melanau dengan itu Rajang Tanjong ini adalah bangsa yang tersendiri dan telah menyerap beberapa ciri Melanau dalam kehidupan seharian.

4.2 Komuniti kajian

Jumlah penduduk Kapit pada tahun 1980 adalah seramai 38,253 orang, yang berasal dari berbagai bangsa dan suku kaum. Bangsa majoriti kawasan ini adalah Iban, seramai 33,57 orang, Melayu seramai 3,100 orang, Cina 600 orang, Kayan 450 orang, Baketan seramai 522 orang dan yang paling kurang jumlahnya adalah Rajang-Tanjong, iaitu seramai 124 orang. (Sumber: Kapit Museum)

Bagi tujuan kajian ini, komuniti yang dikaji adalah komuniti Rajang-Tanjong yang tinggal di Kapit sahaja, walaupun terdapat juga komuniti Rajang-Tanjong yang

tinggal di Kanowit dan Belaga. Pada masa ini di Kapit, penempatan komuniti Rajang-Tanjong ini adalah di antara pekan Kapit hingga ke Nanga Baleh dan tumpuan adalah di Kampung Tanjong Serian yang dikenali juga sebagai Kampung Nanga Serian. Kampung ini terletak di muara Sungai Serian, iaitu di tebing kiri Sungai Rajang, kira-kira empat kilometer ke hulu pekan Kapit. Terdapat juga beberapa buah rumah anggota komuniti ini di sebelah kanan Sungai Rajang, dan penyebaran rumah-rumah ini berselerak beberapa kilometer ke hulu dan hilir dari Kampung Nanga Serian.

Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, komuniti Rajang-Tanjong ini terdiri daripada dua suku kaum, iaitu Kanowit dan Tanjong. Kedua-dua suku kaum ini dapat hidup bersama kerana mempunyai kebudayaan, agama (Kristian) dan cara hidup yang sama. Namun begitu, dari segi bahasa terdapat perbezaan antara kedua-dua suku kaum ini. Perbezaan ini adalah dari segi leksikal dan fonologi. Antara contohnya adalah seperti berikut;

Perbezaan leksikal

Bahasa Melayu	Bahasa Tanjong	Bahasa Kanowit
kepala	ulon	tulou
makan	ulang	kemok
dinding	didieng	kelit

Perbezaan fonologi

Bahasa Melayu	Bahasa Tanjong	Bahasa Kanowit
pergi tiang	kajuk dihai	kau dirai

Selain daripada perbezaan ini, ada juga perkataan yang sama tetapi membawa pengertian yang berbeza, contohnya perkataan ‘sin’, kedua-dua bahasa ini mempunyai perkataan ini dalam perbendaharaan katanya tetapi makna berbeza. Dalam bahasa Tanjong, perkataan ‘sin’ bermakna daging, manakala dalam bahasa Kanowit pula, ‘sin’ bermakna isi.

Disebabkan keadaan ini, anggota komuniti Rajang-Tanjong ini menuturkan dua bahasa utama, iaitu bahasa Tanjong dan bahasa Kanowit. Bahasa yang pertama semakin kurang digunakan dan anggota komuniti ini menggunakan bahasa Kanowit dalam perhubungan seharian. Bahasa ini telah menjadi bahasa identiti untuk komuniti ini dan juga sebagai alat penyatuan. Bahasa Tanjong lebih dikenali sebagai bahasa Tanjong Tua dan tidak digunakan lagi secara meluas walaupun penuturnya masih ada. Penutur bahasa ini terdiri daripada anggota komuniti yang berketurunan Tanjong dan berusia lanjut.

Walaupun suku kaum Tanjong dan suku kaum Kanowit mempunyai perbezaan dari segi bahasa, kedua-dua suku kaum ini dianggap sebagai satu komuniti kerana menepati ciri-ciri satu komuniti. Inkeles (1985) mengatakan bahawa sebuah komuniti wujud apabila suatu set isi rumah secara relatifnya tertumpu di satu

kawasan geografi yang sudah ditentukan sempadannya. Penduduk kawasan geografi ini menunjukkan kadar interaksi sosial yang berintegrasi. Di samping itu mereka mempunyai rasa keanggotaan yang sama, hidup bersama dan tidak semata-mata berdasarkan perhubungan sedarah. Intisari sebuah komuniti adalah rasa persaudaraan, mempunyai identiti yang sama keanggotaan dalam suatu kelompok yang menyanjung tinggi satu perkara sama ada rohani atau jasmani di samping pengakuan terhadap hak dan tanggungjawab yang berhubung dengan semua anggota di dalam kelompok tersebut.

Bloomfield (1933:4) berkata bahawa komuniti bahasa adalah sekumpulan manusia yang berhubung dengan menggunakan satu bahasa. Definisi Bloomfield ini telah dikembangkan oleh Gumperz (1971:101) dengan menambah bahawa sesebuah komuniti bahasa itu boleh berupa ekabahasa ataupun dwibahasa. Mereka ini mestilah sering berkumpul dan berinteraksi antara satu sama lain dan kurang berhubung dengan kumpulan-kumpulan lain di sekelilingnya. Komuniti linguistik ini boleh merupakan sekumpulan kecil manusia yang bersatu dengan perhubungan bersemuka dan boleh juga merupakan dari kawasan yang besar. Beliau juga menegaskan bahawa tidak ada peraturan yang menetapkan sesuatu komuniti bahasa itu harus menuturkan bahasa yang sama. Katanya, “there are no *a priori* grounds which force us to define speech communities so that all members speak the same language”. Labov 1972 pula menegaskan bahawa komuniti bahasa bukan hanya yang menuturkan bahasa yang sama. Perkara yang lebih penting adalah bentuk atau norma yang dikongsi bersama seperti agama, adat resam dan budaya.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, maka kedua-dua suku kaum ini dianggap sebagai satu komuniti, lebih-lebih lagi Kerajaan Negeri Sarawak mengiktiraf mereka sebagai satu komuniti di bawah kuasa seorang ketua masyarakat.

Menurut Penghulu Bujang Sureng, pada masa dahulu suku kaum Tanjong dan Kanowit ini memang ramai jumlahnya. Semasa pemberontakan Saweng (1859-1863) yang berasal dari suku kaum Kanowit, kedua-dua suku kaum ini telah berjuang bersama Saweng. Edwards dan Stevens (1971) mengatakan, akibat pemberontakan ini banyak rumah panjang suku kaum ini telah dibakar dan ramai anggota suku kaum ini telah terbunuh dan Saweng sendiri telah ditangkap dan dihukum bunuh. Sebelum peristiwa ini, suku kaum yang paling ramai jumlahnya di kawasan Kanowit adalah suku kaum Kanowit dan diikuti oleh suku kaum Tanjong. (Edwards dan Stevens 1971:91).

Kini jumlah anggota komuniti ini tinggal sedikit. Menurut bancian 1980, selain daripada sejumlah 124 orang yang tinggal di Kapit, terdapat 126 orang lagi yang tinggal di Belaga (tidak termasuk di Kanowit, tetapi jumlahnya masih sedikit). Dengan itu jumlah keseluruhan komuniti Rajang-Tanjong di Bahagian Kapit pada 1980 hanyalah 250 orang.


Berdasarkan bancian yang telah penulis lakukan sendiri di Kapit pada tahun 1994, jumlah keseluruhan anggota komuniti ini adalah seramai 185 orang, peningkatan hanya seramai 61 orang sahaja daripada bancian tahun 1980. Mereka ini terdiri daripada 55 orang (29.7%) berketurunan Tanjong, 43 orang (23.2%)

berketurunan Kanowit, dan 78 orang (42.2%) pula adalah berketurunan hasil dari perkahwinan campur. Terdapat juga seramai 9 orang (4.9%) dari suku kaum yang lain seperti Iban, Lisum dan Kayan yang telah masuk ke dalam komuniti ini.

Jadual 4.2 : Pecahan anggota komuniti Rajang-Tanjong mengikut keturunan di Kapit 1994

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	55	29.7
Kanowit	43	23.2
Campur	78	42.2
Lain-lain	9	4.9
Jumlah	185	100.0

Peta 1 : Kawasan yang diduduki oleh suku Kaum Tanjong dan Kanowit



4.3 Anggota komuniti Rajang-Tanjong mengikut umur

Secara keseluruhannya, majoriti anggota komuniti ini adalah kanak-kanak dan remaja. Seramai lapan puluh dua orang berumur lima belas tahun dan kurang. Jumlah ini merupakan 44.3% daripada jumlah keseluruhan anggota komuniti ini. Golongan yang kedua ramai adalah yang berumur antara enam belas hingga dua puluh lima tahun. Peringkat umur ini seramai tiga puluh lima orang dan mewakili 19.0% daripada jumlah keseluruhan anggota komuniti ini. Peringkat umur antara dua puluh enam hingga tiga puluh lima tahun pula seramai sembilan belas orang, yakni 10.3%. Manakala peringkat umur antara tiga puluh enam hingga empat puluh lima tahun pula seramai dua puluh tiga orang, yakni 12.4% dari jumlah keseluruhan anggota komuniti. Kumpulan umur ini merupakan golongan ketiga ramai. Peringkat umur antara empat puluh enam hingga lima puluh lima tahun pula seramai lima belas orang, iaitu 8.1% daripada jumlah anggota komuniti ini. Peringkat umur lima puluh enam tahun dan ke atas pula merupakan golongan yang paling sedikit dalam komuniti ini. Golongan ini hanya seramai sebelas orang sahaja, iaitu 5.9%.

**Jadual 4.3 : Jumlah anggota komuniti Rajang-Tanjong berdasarkan umur
Di Kapit tahun 1994**

Umur	Bil	%
< 15	82	44.3
16-25	35	19.0
26-35	19	10.3
36-45	23	12.4
46-55	15	8.1
56 <	11	5.9
Jumlah	185	100.0

Jadual 4.4 : Umur mengikut pecahan keturunan

Umur	Tanjong		Kanowit		Campur		Lain-lain	
	Jum	%	Jum	%	Jum	%	Jum	%
< 15	15	27.3	14	32.6	53	68.0	-	-
16-25	8	14.5	9	20.9	15	19.2	3	33.4
26-35	12	21.8	4	9.3	1	1.3	2	22.2
36-45	10	18.2	6	14.0	5	6.4	2	22.2
46-55	5	9.1	5	11.6	4	5.1	1	11.1
56<	5	9.1	5	11.6			1	11.1
JUMLAH	55	100.0	43	100.0	78	100.0	9	100.0

4.3.1 Anggota komuniti Rajang-Tanjong berumur di bawah lima belas

tahun

Dilihat daripada taburan umur, didapati sebahagian besar anggota komuniti ini, iaitu seramai lapan puluh dua orang atau 44.3% adalah berumur di bawah lima belas tahun. Daripada jumlah ini, sebahagian besar daripada mereka, iaitu lima puluh tiga orang atau 64.6% adalah berketurunan campur. Ini menunjukkan kadar perkahwinan campur adalah tinggi terutamanya antara suku kaum Tanjong dan suku kaum Kanowit. Ini mudah terjadi kerana tidak ada perbezaan fizikal dan agama atau budaya antara kedua-dua suku kaum ini. Lebih-lebih lagi sekarang ini kedua-dua suku kaum ini dianggap satu bangsa iaitu Rajang-Tanjong. Pada peringkat umur ini, selain daripada berketurunan campur, terdapat lima belas orang atau 18.3% berketurunan Tanjong dan seramai empat belas orang atau 17.1% berketurunan

Kanowit. Tidak ada anggota komuniti yang datang dari suku kaum lain pada peringkat umur ini.

Jadual 4.5: Peringkat umur di bawah 15 tahun

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	15	18.3
Kanowit	14	17.1
Campur	53	64.6
Lain-lain	-	-
Jumlah	82	100.0

4.3.2 Anggota komuniti Rajang-Tanjong berumur antara 16 hingga 25

tahun

Peringkat umur antara 16 hingga 25 tahun ini merupakan peringkat umur kedua ramai dalam komuniti ini. Terdapat seramai tiga puluh lima orang atau 18.9% daripada jumlah keseluruhan anggota komuniti ini berada dalam lingkungan umur ini. Sebahagian besar, iaitu lima belas orang atau 42.9% daripada jumlah peringkat umur ini berketurunan campur. Selain daripada itu, seramai lapan orang atau 22.8% berketurunan Tanjong dan seramai sembilan orang atau 25.7% berketurunan Kanowit. Terdapat juga suku kaum lain pada peringkat umur ini, mereka ini masuk ke dalam komuniti ini melalui perkahwinan. Mereka berjumlah seramai tiga orang atau 8.6% dan berketurunan Iban.

Jadual 4.6 : Peringkat umur antara 16 hingga 25 tahun

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	8	22.8
Kanowit	9	25.7
Campur	15	42.9
Lain-lain	3	8.6
Jumlah	35	100.0

4.3.3 Anggota komuniti Rajang-Tanjong berumur di antara 26 hingga 35 tahun

Peringkat umur antara dua puluh enam hingga tiga puluh lima tahun ini merupakan peringkat umur keempat ramai. Anggota komuniti yang berumur antara dua puluh enam hingga tiga puluh lima tahun ini seramai sembilan belas orang. Jumlah ini mewakili 10.3% daripada jumlah keseluruhan anggota komuniti ini. Pada peringkat umur ini, yang ramai adalah daripada suku kaum Tanjong, iaitu seramai dua belas orang yang merupakan 63.1% daripada jumlah penduduk peringkat umur ini. Diikuti oleh yang berketurunan Kanowit, iaitu seramai empat orang atau 21.1% dan keturunan campur seramai dua orang atau 10.5%. Terdapat juga seramai dua orang atau 10.5% yang berasal daripada suku kaum lain.

Jadual 4.7: Peringkat umur 26 hingga 35 tahun

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	12	63.1
Kanowit	4	21.1
Campur	1	5.3
Lain-lain	2	10.5
Jumlah	19	100.0

4.3.4 Anggota komuniti Rajang-Tanjong berumur di antara 36 hingga

45 tahun

Peringkat umur antara tiga puluh enam hingga empat puluh lima tahun pula merupakan peringkat umur ketiga ramai, iaitu seramai dua puluh tiga orang atau 12.4% daripada jumlah keseluruhan anggota komuniti ini. Daripada jumlah ini, seramai sepuluh orang atau 43.5% adalah berketurunan Tanjong, enam orang atau 26.1% berketurunan Kanowit dan lima orang atau 21.7% berketurunan campur. Terdapat juga dua orang atau 8.7% daripada suku kaum lain yang masuk ke dalam komuniti ini melalui perkahwinan.

Jadual 4.8 : Peringkat umur antara 36 hingga 45 tahun

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	10	43.5
Kanowit	6	26.1
Campur	5	21.7
Lain-lain	2	8.7
Jumlah	23	100.0

4.3.5 Anggota komuniti Rajang-Tanjong berumur di antara 46 hingga

55 tahun

Jumlah anggota komuniti yang berumur lebih empat puluh enam tahun adalah sedikit. Terdapat seramai lima belas orang atau 8.1% daripada keseluruhan anggotra komuniti ini berada dalam lingkungan umur ini. Mereka terdiri daripada yang berketurunan Tanjong dan Kanowit yang masing-masing seramai lima orang atau nasing-masing mewakili 33.3% daripada jumlah anggota komuniti pada peringkat umur ini. Terdapat juga yang berketurunan campur, iaitu seramai empat orang atau 26.7%. Selain daripada itu, terdapat juga seorang atau 6.7% yang merupakan suku kaum Iban yang telah berkahwin dengan anggota komuniti ini yang berketurunan Tanjong.

Jadual 4.9 : Peringkat umur antara 46 hingga 55 tahun

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	5	33.3
Kanowit	5	33.3
Campur	4	26.7
Lain-lain	1	6.7
Jumlah	15	100.0

4.3.6 Anggota komuniti Rajang-Tanjong berumur 56 tahun dan lebih

Terdapat hanya sebelas orang sahaja anggota komuniti ini yang berusia lima puluh enam tahun dan lebih. Jumlah ini merupakan hanya 6.0% daripada keseluruhan

anggota komuniti Rajang-Tanjong ini. Mereka ini terdiri daripada lima orang atau 45.5% yang berketurunan Tanjong dan jumlah yang sama juga berketurunan Kanowit. Terdapat seorang atau 9.0% dari suku kaum Kayan.

Jadual 4.10 : Peringkat umur antara 56 tahun dan lebih

Keturunan	Bil.	%
Tanjong	5	45.5
Kanowit	5	45.5
Campur	-	-
Lain-lain	1	9.0
Jumlah	11	100.0

Daripada taburan umur di atas, didapati sebahagian besar anggota komuniti Rajang-Tanjong ini berusia kurang daripada empat puluh lima tahun. Peringkat umur yang paling ramai adalah golongan remaja dan kanak-kanak yang berusia kurang daripada enam belas tahun.

Dari segi taburan umur mengikut pecahan keturunan pula, didapati golongan muda, remaja dan kanak-kanak, yakni yang berusia kurang daripada dua puluh enam tahun sebahagian besarnya adalah dari keturunan campur. Mereka ini adalah hasil daripada perkahwinan campur antara keturunan Tanjong dan Kanowit. Di samping itu ada juga anggota komuniti ini yang berkahwin dengan suku kaum lain seperti Iban, Kayan, Lisum dan juga dengan orang yang berketurunan Cina. Disebabkan jumlah anggota komuniti ini sedikit, perkahwinan dengan orang luar tidak

digalakkan. Jika berlaku juga perkahwinan dengan orang luar, maka orang luar tersebut dianggap telah masuk ke dalam komuniti ini dan menjadi anggota komuniti ini serta tinggal di perkampungan mereka.

4.4 Kawasan kajian

Kajian ini dijalankan di penempatan komuniti Rajang-Tanjong di Kapit, Sarawak. Mereka tinggal di dua buah rumah panjang dan beberapa buah rumah sebuah-sebuah di sekitar Kapit, iaitu antara Kapit dan Nanga Baloh di hulu Sungai Rajang. Pusat penempatan komuniti ini adalah di Kampung Nanga Serian atau dikenali juga sebagai Kampung Tanjung Serian. Kampung ini terletak di muara Sungai Serian , iaitu di tebing kiri Sungai Rajang, kira-kira empat kilometer ke hulu dari pekan Kapit. Jalan perhubungan kawasan penempatan komuniti ini dengan pekan Kapit dan seterusnya dengan dunia luar hanyalah melalui jalan air, iaitu dengan bot. Bagi anggota komuniti ini yang ingin pergi ke Sibu, mereka terpaksa menaiki bot berinjin sangkut ke Kapit dan dari Kapit pula menaiki bot ekspress ke Sibu. Perjalanan dari Kapit ke Sibu memakan masa antara empat hingga enam jam bergantung kepada keadaan air.

Penempatan komuniti Rajang-Tanjong ini terdiri daripada enam kelompok, iaitu dua buah rumah panjang yang terletak di Kampung Tanjung Serian dan tiga kelompok rumah sebuah-sebuah . Rumah panjang yang pertama dinamakan Rumah Mbawang. Rumah panjang ini merupakan rumah yang tertua di kawasan ini dan terletak kira-kira empat kilometer dari pekan Kapit. Rumah Mbawang ini terdiri

daripada lapan bilik yang didiami oleh sembilan keluarga yang terdiri daripada dua puluh sembilan orang ahli. Rumah ini dibina dilereng tebing Sungai Rajang dan terletak kira-kira lima puluh meter dari permukaan sungai. Untuk sampai ke rumah ini dari sungai, seseorang itu terpaksa mendaki tebing yang curam. Sebuah tangga kayu dibina di lereng tebing sungai ini dari pengkalan perahu ke rumah panjang.

Rumah panjang kedua pula terletak kira-kira tiga ratus meter ke hulu rumah panjang yang pertama. Rumah panjang ini dikenali sebagai Rumah Panjang Penghulu. Rumah panjang ini agak baru dan penghuninya berasal dari Rumah Panjang Mbwawang. Keadaan geografi kawasan penempatan komuniti ini adalah berbukit-bukit dan terletak di lereng tebing sungai. Apabila anggota komuniti ini bertambah, maka jumlah bilik di rumah panjang pertama terpaksa ditambah, tetapi keadaan bentuk muka bumi tidak mengizinkan penambahan bilik di rumah panjang yang pertama itu. Untuk mengatasi masalah ini maka sebuah rumah panjang yang baru telah dibina tidak berapa jauh dari rumah panjang yang pertama. Rumah panjang kedua ini terdiri daripada sebelas buah bilik dengan lima puluh enam anggota.

Selain tinggal di rumah panjang, terdapat juga anggota komuniti ini tinggal di rumah sebuah-sebuah. Di sebelah hulu Rumah Panjang Penghulu terdapat sekelompok tiga buah rumah sebuah-sebuah yang didirikan secara berdekatan. Salah sebuah daripada rumah ini dimiliki oleh ketua kampung ini, iaitu Vincent bin Bandan. Kelompok rumah sebuah-sebuah ini didiami oleh tiga keluarga dengan sembilan orang anggota. Lebih kurang dua ratus meter ke hulu kelompok tiga buah

rumah ini, terdapat enam buah rumah lagi yang didirikan secara berhampiran. Seramai tiga puluh dua orang tinggal di kelompok ini.

Selain daripada rumah-rumah yang terletak di tebing kiri Sungai Rajang ini, komuniti Rajang-Tanjong ini juga ada tinggal di tebing kanan Sungai Rajang. Terdapat sekelompok tujuh buah rumah sebuah-sebuah terletak lebih kurang satu kilometer ke hilir Rumah Panjang Mbawang. Tempat ini dikenali sebagai Kampung Nanga Man dan terletak di tebing kanan Sungai Rajang. Kampung ini didiami oleh empat puluh tiga orang. Kelompok rumah yang akhir terletak kira-kira tiga kilometer ke hulu daripada Rumah Panjang Penghulu di tebing kanan Sungai Rajang. Di sini terdapat empat buah rumah sebuah-sebuah yang didiami oleh enam belas orang.

Jadual 4.10: Bentuk tempat tinggal komuniti Rajang-Tanjong 1994

Kelompok	Jenis Rumah	Bil. Bilik/Rumah	Bil. Penghuni
1	Rumah Panjang	9	29
2	Rumah Panjang	11	56
3	Rumah Sebuah	3	9
4	Rumah Sebuah	6	32
5	Rumah Sebuah	7	43
6	Rumah Sebuah	4	16
J U M L A H		40	185

Daripada jumlah anggota komuniti seramai 185 orang ini, 94 orang adalah lelaki dan 91 orang perempuan.


Jadual 11: Jumlah anggota komuniti Rajang-Tanjong mengikut jantina di Kapit tahun 1994

Jantina	Bil.	%
Lelaki	94	50.8
Perempuan	91	49.2
Jumlah	185	100.0

Jadual 12: Jumlah anggota Rajang-Tanjong mengikut jantina dan umur

UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
< 15	42	40
16 - 25	17	18
26 - 35	9	10
36 - 45	11	12
46 - 55	9	6
56 <	8	3
JUMLAH	96	89

Peta 2 : Kawasan penempatan komuniti Rajang-Tanjong.



4.5 Kesimpulan

Daripada pendapat beberapa orang sarjana mengenai penggolongan Rajang-Tanjong ini, dapatlah disimpulkan bahawa komuniti ini sebenarnya terdiri daripada suku kaum Tanjong dan suku kaum Kanowit. Kedua-dua suku kaum ini telah tinggal bersama di satu kawasan dan membentuk satu komuniti. Keadaan ini boleh terjadi kerana kedua-dua suku kaum ini mempunyai banyak persamaan dari segi budaya dan agama.

Komuniti ini banyak menerima pengaruh daripada suku kaum lain yang terdapat di sekitar penempatan mereka. Dengan itu dapat dilihat beberapa ciri persamaan dengan suku kaum Orang Ulu lain seperti Punan, Sekapan, Kejaman dan Lahanan. Keadaan ini menyebabkan kerajaan Sarawak memasukkan semua suku kaum di dalam satu golongan , iaitu golongan Kajang.

Suku kaum ini juga mempunyai ciri persamaan dengan orang Melanau yang tinggal di delta Sungai Rajang. Keadaan ini menyebabkan beberapa orang sarjana (Aikman (1959), Clayre (1970), Edward & Stevens (1971), Yasir Abdul Rahman (1987)) memasukkan suku kaum ini sebagai golongan Melanau.